

## **DUE PROCESS DALAM DISIPLIN PELAJAR**

"Due Process" adalah satu doktrin undang-undang yang berakar umbi dari Amerika.<sup>1</sup> Ianya tidak dapat diberikan satu makna yang tepat atau teknikal. Apa yang jelas ialah ianya mempunyai persamaan dengan konsep keadilan asasi, "natural justice" di sisi Common Law. Due Process mungkin dapat dihuraikan sebagai satu kumpulan keadilan asasi, kerana matlamat utama due process adalah "keadilan" atau "fair play". Tidak salah jika penulis mengatakan bahawa "due process" adalah hasil ataupun wujud dari satu pengkanunan atau kaedah yang berasaskan keadilan asasi. Pendek kata tidak wajar dipisahkan "due process" dari "keadilan asasi". Oleh itu, penulis akan, bagi maksud kertas ini, menyamakan "due process" dengan keadilan asasi.

### **Apa dia Due Process?**

Due Process dibahagi kepada dua kumpulan. Satu ialah "*due process substantif*" dan kedua ialah "*due process prosedur*". Bagi maksud kertas ini di mana due process dikaitkan dengan disiplin pelajar, maka hanya "*due process prosedur*", khususnya mengenai menguatkuasakan kuasa-kuasa disiplin yang terdapat di dalam Akta Universiti dan Universiti Kolej 1971<sup>2</sup>, Akta Universiti dan Universiti Kolej (Pindaan) 1975<sup>3</sup>, kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya<sup>4</sup> dan kaedah-kaedah menguatkuasakan disiplin di sekolah sahajalah yang akan ditekankan.

<sup>1</sup> Amendment 5 dan 14, Perlembagaan Amerika Syarikat.

<sup>2</sup> Akta 30, 1971.

<sup>3</sup> Akta A295, 1975.

<sup>4</sup> Misalnya:

Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar) 1975, (P.U.(A) 426)

Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tata-tertib Pelajar) 1975, (P.U.(A) 353)

Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tata-tertib Pelajar) 1975, (P.U.(A) 296).

Keadilan asasi yang menguasai *due process* mempunyai dua tiang seri asasnya:

- (1) kaedah *audi alteram partem*, iaitu kaedah perbicaraan di mana tidak seorang insan pun dapat disalah dan dihukum tanpa perbicaraan dan pendengaran yang wajar.
- (2) kaedah *nemo iudex in causa sua*; iaitu kaedah yang menentang "bias" atau prejudis dan sikap berat sebelah di dalam sesuatu perbicaraan.

Ini bermakna apa-apa prosiding yang melibatkan keputusan yang boleh mensabitkan seseorang dengan sesuatu kesalahan, dan boleh pula mengakibatkan penjatuhan hukuman yang boleh merugikan, memalukan atau memudaratkan seseorang itu wajiblah mematuhi prinsip keadilan asasi. Keperluan-keperluan keadilan asasi di dalam prosedur ini pernah dinyatakan oleh Majlis Privy<sup>5</sup> sebagai,

- (1) Hak untuk mengetahui sifat dan jenis pertuduhan;
- (2) Hak diberi peluang menyatakan kes dan membela dirinya;
- (3) Tribunal atau lembaga perbicaraan itu wajib bertindak dengan ikhlas.

Kaedah *audi alteram partem*, yang disebutkan sebagai salah satu tiang seri keadilan asasi, telah dikatakan mempunyai beberapa ciri. Walau bagaimanapun tiga ciri yang utama ialah,

- (1) Hak untuk diberi notis berkenaan pertuduhan;
- (2) Hak untuk dibicarakan oleh sebuah tribunal yang tidak "bias";
- (3) Hak untuk memberi jawapan dan belaan yang dipertimbangkan.

<sup>5</sup>*University of Ceylon v Fernando* [1960] 1 W.L.R. 223 di m.s. 232.

<sup>6</sup>Lihat, *John v Rees* [1970] 1 Ch. 345 di m.s. 399.

### Pemakaian "Due Process" di Sisi Disiplin Pelajar

Mungkin kita tertanya kenapakah "due process" dikaitkan dengan disiplin pelajar. Seperti yang diketahui umum Akta Universiti dan Kolej Universiti (selepas ini dipanggil "Akta" sahaja), dan juga kaedah-kaedah disiplin sekolah memang memberi kuasa agar pelajar-pelajar yang engkar dibicarakan dan dihukum, termasuk hukuman pemecatan. Mereka yang menjalankan tugas ini adalah "tribunal" sebenarnya. Tribunal ditakrifkan sebagai "seorang atau sebuah lembaga (selain dari yang dipengerusikan oleh seorang Hakim dari Mahkamah) yang menguatkuasakan disiplin atau aturan dan kaedah sesebuah institusi."<sup>7</sup>

Jelaslah bahawa pihak berkuasa tata tertib di Universiti-Universiti dan lembaga yang ahlinya ialah Guru Besar dan juga guru disiplin adalah termasuk di dalam golongan "tribunal". Kuasa yang diberi kepada mereka adalah kuasa yang berasaskan statut, seperti Akta yang tersebut di atas. Pihak-pihak yang terlibat di dalam sesuatu tribunal yang ditubuh sebegini adalah para pelajar dan pihak institusi pendidikan. Isu-isu yang timbul pula adalah melibatkan isu-isu urusan pendidikan, yang hanya melibatkan persoalan di sekeliling disiplin. Tiada aspek-aspek perdagangan yang dikaitkan. Kerap kali pula tiada terlibat apa-apa kerugian yang boleh dinilai dari segi wang. Ahli-ahli tribunalnya pula adalah ahli-ahli institusi itu sendiri. Boleh dikatakan tiada pihak luar dari institusi yang terlibat. Dengan itu tribunal sebegini adalah sebenarnya berbentuk "domestic".

Akan tetapi, walaupun ianya bersifat "domestic", kuasanya diberi oleh statut, sepertimana tribunal-tribunal lain yang mempunyai sifat-sifat perdagangan dan ciri-ciri yang bukan "domestic" dan ahli-ahlinya dilantik dari luar. Oleh itu tribunal ini adalah sama dengan tribunal lain di sisi unsur kuasanya, tetapi berbeza di sisi ciri-cirinya. Jenis tribunal ini pernah digelar sebagai tribunal "hybrid".<sup>8</sup>

<sup>7</sup> Lihat Forbes, *The Law of Domestic or Private Tribunals*, Sydney 1982.

<sup>8</sup> *ibid.*

Akan tetapi, walaupun ianya adalah hanya "hybrid", namun tribunal-tribunal ini dikehendaki mengenakan doktrin "due process" dan keadilan asasi.

Lagipun, penulis berpendapat bahawa tribunal yang ditubuh di pusat-pusat pendidikan wajib mematuhi doktrin due process. Pihak penguatkuasanya adalah pendidik. Tindak tanduk mereka adalah menjadi asas didikan. Sekiranya, dalam menguatkuasakan apa-apa tugas pendidik, termasuk menguatkuasakan disiplin, para pendidik dan para cendekiawan membelakangkan prinsip-prinsip keadilan asasi, maka apa jenis didikankah yang dapat diberi kepada para remaja negara ini. Kalau pendidik tidak menyanjung dan tidak peka kepada hak asasi manusia, maka sudah tentu generasi yang dibesarkan, dan dididikan akan menjadi generasi yang turut mengalpakan prinsip asasi. Institusi pendidikan akan menghasilkan bakal pemimpin yang tidak akan menghormati undang-undang dan hak asasi manusia dan tidak peka kepada keadilan masyarakat.

#### **Pemakaian Due Process di Bawah Akta**

Tiap-tiap Universiti di negara ini telah diberi kuasa oleh Akta untuk mengendalikan dan menguatkuasakan disiplin di antara pelajar. Seksyen 16C(1) kepada Akta memperuntukkan:

"Majlis Universiti adalah mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa kaedah tata tertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau mustahak untuk mengadakan peruntukan mengenai tata tertib bagi ... pelajar-pelajar Universiti; kaedah-kaedah tata tertib yang dibuat di bawah seksyen-kecil ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*."

Di bawah peruntukan ini tiap-tiap Universiti telahpun mewartakan Kaedah-Kaedah Tata tertib Pelajar masing-masing.<sup>10</sup>

Dengan itu penulis akan menghalusi kaedah-kaedah tersebut untuk menunjukkan samada doktrin due process disuratkan ke dalam peruntukan. Di mana due process tidak disuratkan penulis akan menunjukkan dengan sokongan-sokongan keputusan

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> *Supra* n.k. (4)

Mahkamah, bahawa dua process dan juga keadilan asasi adalah tersirat ke dalam prosedur-prosedur yang diperuntukkan.

Pendekatan yang dibuat di sini adalah berasaskan kepada ketiga-tiga ciri yang disenaraikan tadi, iaitu hak diberi notis, hak dibicarakan oleh sebuah tribunal yang tidak "bias" dan hak diberi peluang didengar dan membela diri.

(1) *Hak Diberi Notis:*

Apa yang nyata dari peruntukan kaedah-kaedah di semua Universiti ialah tiadanya peruntukan tentang kewajiban memberi notis yang wajar kepada pelajar yang hendak disabitkan dengan sesuatu kesalahan. Akan tetapi ini tidak bermakna yang pelajar tidak perlu diberikan notis. Penulis mengemukakan di sini bahawa keperluan notis yang wajar adalah tersirat walaupun tidak tersurat.

Seorang Hakim Inggeris, Fortescue J. pernah berkata:<sup>11</sup>

"Tentangan kerana keperluan notis tidak mungkin di atasi .... Sedangkan Tuhan tidak menjatuhkan hukuman ke atas Adam sebelum dianya dipanggil untuk membela dirinya."

Di dalam kes *R. v University of Cambridge*<sup>12</sup> itu Mahkamah Inggeris telah mengisytiharkan keputusan yang dibuat oleh sebuah lembaga disiplin di Universiti tersebut dalam melucutkan ijazah yang telah diberi kepada seorang yang bernama Bentley sebagai satu keputusan tak sah. Alasannya, antara lain, ialah Bentley telah tidak diberi notis tentang perbicaraan yang hendak diadakan. Dengan itu langkah dan keputusan yang diambil adalah satu yang bertentangan dengan hak asasi yang ada kepada Bentley.

Mahkamah-mahkamah di rantau ini juga pernah membuat keputusan bahawa notis yang wajar wajib diberi kepada tertuduh, agar dapat memberikan beliau masa yang munasabah untuk menyediakan kesnya bagi membela dirinya. Notis yang singkat,

<sup>11</sup> Lihat *R v University of Cambridge* (93 E.R. 698) di m.s. 704.

<sup>12</sup> *ibid.*

seperti sehari sahaja, tidaklah merupakan notis yang wajar, dan tindakan sedemikian adalah merupai langkah melanggar *due process*.<sup>13</sup> Penulis mengesyorkan bahawa jangka masa yang munasabah ialah tujuh (7) hari sebelum tarikh perbicaraan. Malah sekiranya tuduhan yang dibuat adalah serius dan kompleks, mungkin jarak masa ditambah kepada sepuluh (10) hari.

Sesebuah tribunal yang benar-benar ingin menguatkuasakan keadilan, dan bukan penindasan dan penganiayaan patut memberi jarak masa yang memadai di antara penyerahan notis dengan pembicaraan. Sekiranya tuduhan baru ditambah maka jarak masa juga wajib ditambah. Tidak memberi masa atau hanya memberi masa yang singkat bermakna sudah hilanglah keadilan terhadap pelajar.

Kegagalan memberi notis yang wajar adalah sebenarnya satu kesalahan terhadap "*due process*". Ianya mungkin dapat membatalkan apa-apa keputusan dan perbicaraan yang dilakukan, dengan alasan perbicaraan itu telah melanggar doktrin keadilan asasi dan juga prinsip *audi alteram partem*. Di dalam kes *Chong Kok Lim & Ors v Yong Su Hian*,<sup>14</sup> Mahkamah Persekutuan telah mengisytiharkan keputusan yang telah dibuat oleh sebuah Persatuan Cina di Perak sebagai tak sah. Persatuan tersebut telah memecat salah seorang ahlinya di atas tuduhan menggunakan nama persatuan tanpa kuasa sah untuk mencetak borang permohonan keahlian persatuan. Mahkamah mendapati bahawa keputusan disiplin telah diambil tanpa memberi notis yang wajar dan peluang didengar kepada ahli berkenaan.

Satu masalah yang penulis sendiri pernah bertemu ialah masalah penyerahan notis. Para pelajar yang dituduh selalu tidak dapat dikesan. Ini mungkin dapat diatasi dengan meminda kaedah-kaedah Universiti melalui menambah cara penyerahan notis. Penulis mengesyorkan satu peraturan dimana selepas tiga kali percubaan untuk menyerahkan notis kepada pelajar sendiri telah gagal, maka penyerahan ke alamat pelajar yang ada

<sup>13</sup>*Phang Moh Shin v Commissioner of Police* [1967] 2 M.L.J. 186: Lihat juga M.P. Jain, *Public Authorities and Their Procedures in Malaysia*, [1984] JMCL 61.

<sup>14</sup>[1979] 2 M.L.J. 11. Lihat juga *Govindaraj v President M.A.C.* [1984] 1 M.L.J. 190 di m.s. 195.

didaftarkan dengan Universiti adalah satu penyerahan notis yang sah.

## 2. Hak Dibicarakan Oleh Tribunal Yang Tidak "Bias"

Satu perkara yang tidak menyenangkan yang telah diperuntukkan oleh Akta ialah kuasa atau tugas yang diberi kepada tribunal. Kuasa-kuasanya adalah seperti berikut:

- (a) Kuasa pendakwa
- (b) Kuasa penghakim
- (c) Kuasa juri.

Tribunal adalah pendakwa. Dialah yang membuat keputusan tentang siapakah yang perlu didakwa dan di atas kesalahan apakah dakwaan itu dibuat. Kemudian dialah juga yang menjalankan dakwaan, dan di masa yang sama perlu menimbangkan semua keterangan-keterangan yang diberi oleh dirinya dan juga oleh pelajar. Ini adalah tugas seorang Hakim. Kemudian sebagai juri dia pula memutuskan salah atau tidaknya tertuduh. Kemudian menjadi Hakim lagi dan menjatuhkan hukuman.

Kuasa ini semuanya terletak kepada Timbalan Naib-Canselor Hal Ehwal Pelajar. (Selepas ini dirujuk sebagai TNC). Seksyen 16B(1), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 memperuntukkan:

"Pihak berkuasa tata tertib Universiti mengenai tiap-tiap pelajar Universiti ialah Timbalan Naib-Canselor, dan jika ada lebih daripada satu orang Timbalan Naib-Canselor dalam sesuatu Universiti, Menteri hendaklah menamakan Timbalan Naib-Canselor yang mana hendaklah menjadi pihak berkuasa tata tertib Universiti mengenai pelajar-pelajar Universiti."

Di sini perlu ditimbangkan, dapatkah seorang yang dibebankan dengan tugas-tugas ini semuanya berlaku adil. Sekiranya pelajar dituduh kerana menentang TNC tersebut, mungkinkah, dan bolehkah TNC tersebut menjadi Pendakwa, Hakim dan Juri tanpa terselitnya perasaan prejudis dan marahnya terhadap pelajar itu?

Kerap juga penentangan pelajar datang dari keputusan TNC

sendiri, misalnya, kaedah lalulintas di kampus yang dibuat olehnya. Mungkinkah TNC berkenaan, seorang insan biasa, mendakwa dan menghakimi pelajar yang menentang polisinya tanpa perasaan prejudis di hati sanubarinya. Malah kerap kali keputusan mendakwa atau menuduh seseorang pelajar adalah kerana TNC atau pegawai-pegawai di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (selepas ini dirujuk sebagai HEP) merasa yang pelajar tersebut telah membuat salah. Bolehkah mereka ini membicarakan pelajar-pelajar dengan seadil-adilnya? Tiap-tiap pegawai yang terlibat sebegitu patut disekat dari menjadi ahli tribunal, oleh kerana dia pasti "bias", prejudis dan berat sebelah terhadap kes yang disediakannya sendiri.

Di dalam kes *Stollery v Greyhound Racing Control Board*<sup>15</sup> pengurus sebuah persatuan lumba anjing greyhound telah menuduh seorang tuannya anjing lumba melakukan sesuatu yang memudaratkan dan menentang peraturan dan kawalan sukan itu. Semasa lembaga disiplin membicarakan tuduhan tersebut pengurus itu juga telah hadir sebagai seorang ahli. Mahkamah Tinggi Australia telah memutuskan bahawa, walaupun pengurus tersebut telah tidak mengambil bahagian yang aktif, namun kehadirannya telah cukup untuk mengtaksahkan perbicaraan tersebut. Ketua Hakim Barwick telah berkata<sup>16</sup>

"... begitu juga dalam kes ini, kehadiran seseorang yang tidak layak hadir adalah mengancam kesahan keputusan yang dibuat di dalam perbincangan di hadapan beliau. Juga, saya percaya sekiranya Mr. Smith (Pengurus) telah diminta oleh Lembaga itu untuk memberi pendapatnya samada apa yang telah terjadi adalah memudaratkan kawalan dan peraturan sukan itu, beliau tidak akan dapat memberikan pendapat yang objektif dan tidak bias."

Di Malaysia pula di dalam kes *Govindaraj v President M.I.C.*<sup>17</sup> Hakim Zakaria Yatim berpendapat bahawa kehadiran Presiden M.I.C. di mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat yang telah

<sup>15</sup> (1972) 128 C.L.R. 509.

<sup>16</sup> *ibid.*, m.2. 519.

<sup>17</sup> *supra.*



menimbangkan rayuan dari plaintiff boleh mengtaksahkan perbicaraan itu<sup>18</sup>. Ini adalah kerana rayuan itu adalah berasaskan keputusan Presiden yang sama untuk menggantung keahlian plaintiff. Rayuan adalah kerana tindakan yang asalnya dibuat oleh Presiden, maka tidak adil bagi Presiden itu juga yang mendengar rayuan itu.

Justeru itu penulis mengesyorkan di sini bahawa semua pegawai HEP termasuk TNC nya tidak seharusnya menjadi ahli tribunal. TNC sepatutnya menjemput (secara bertulis) dan melantik para akademik lain yang tidak terlibat dalam hal ehwal pelajar dan tidak terlibat dengan isu yang akan dibicarakan.

Di sini perlu ditekankan bahawa langkah ini telahpun setakat ini diambil oleh Universiti Malaya. Di Universiti Malaya TNC dan juga kakitangan HEP tidak menjadi ahli, dan TNC tidak berurus langsung dengan ahli tribunal yang dilantik. Ahli-ahli yang dilantik membuat keputusan berasaskan hanya apa-apa keterangan yang dikemukakan oleh kedua pihak di perbicaraan itu. Maklumat atau fakta lampau tidak diambil kira langsung. Ahli tribunal tidak didorong atau ditekan oleh mana-mana pihak. Mereka bertindak secara bebas. Keputusan dan hukuman juga dibuat secara bebas.

Perlantikan tribunal yang bebas ini adalah sah dan memang diberi kuasa oleh Akta. Seksyen 16B(3) berbunyi:

“Timbalan Naib-Canselor yang menjadi pihak-berkuasa tatatertib di bawah seksyen-kecil (1) boleh mewakilkan mana-mana daripada tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana kakitangan, mana-mana pegawai atau mana-mana pekerja Universiti, atau kepada mana-mana lembaga kakitangan, pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja Universiti, mengenai mana-mana pelajar tertentu, atau mana-mana golongan atau kategori pelajar-pelajar Universiti, dan kakitangan, pegawai atau pekerja atau lembaga yang diwakilkan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipan itu hendaklah melaksana, menjalan atau menyempurnakannya di bawah arahan dan kawalan Timbalan Naib-Canselor itu yang mana adalah mempunyai kuasa untuk mengulangkaji, membatalkan

<sup>18</sup> Akan tetapi di dalam kes ini perlembagaan persatuan memerlukan Presiden menguruskan kesemua mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat. Maka kedudukannya adalah berbeza.

kan atau mengubah apa-apa keputusan atau kesimpulan, pegawai atau pekerja itu atau lembaga itu:"

Ini jelas menunjukkan bahawa kaedah *nemo judex in causa sua* adalah disiratkan melalui kuasa perwakilan (Delegated Power) ini. Dan walaupun TNC diberi kuasa mengubah keputusan dan hukuman, namun begitu TNC di Universiti Malaya tidak pernah melakukannya. Kebebasan yang diberi kepada tribunal yang dilantik adalah satu langkah positif oleh Universiti Malaya untuk menentukan "due process" dan keadilan asasi dikekalkan dalam memperkuatkan disiplin pelajar.<sup>19</sup>

### 3. Hak Diberi Peluang Didengar dan Membela Diri

Hak ini yang berasaskan kepada kaedah *audi alteram partem* adalah dimaktubkan ke dalam Kaedah-Kaedah (Tatatertib) tiap-tiap Universiti di negara ini. Kaedah-kaedah yang memperuntukkan mengenai acara<sup>20</sup> adalah juga merupakan peruntukan yang memberi hak kepada para pelajar mengemukakan kes mereka, keterangan dan saksi mereka dan seterusnya membela diri mereka, sebelum apa-apa keputusan dibuat.

Kaedah 50 memberi hak kepada pelajar menyoal-balas saksi dari pihak HEP, dan ini bermakna bahawa saksi HEP mestilah disoal oleh tribunal di depan pelajar.<sup>21</sup> Ini adalah merupakan salah satu keperluan "due process". Menyoal-balas adalah merupakan "jentera undang-undang yang terbesar ... untuk mendapati kebenaran."<sup>22</sup> Menidakkan hak ini adalah merampas hak keadilan asasi pelajar dan juga merupakan keingkaran mematuhi kaedah yang telah dibuat di bawah Akta. Kesannya juga begitu sekiranya pelajar tidak dibenarkan mengemukakan saksi-saksi dan keterangan-keterangan mereka untuk membela diri. Kaedah 50 memperuntukkan:

<sup>19</sup>Kertas ini adalah berasaskan maklumat dari Universiti Malaya sahaja.

<sup>20</sup>Bahagian V, kepada Kaedah Tatatertib Pelajar-Pelajar di semua Universiti di Malaysia.

<sup>21</sup>*Ceylon University v Fernando*, supra n.k. (5).

<sup>22</sup>*Wigmore on Evidence*, Vol. 5 Canada 1940, m.s. 529.

“Jika pelajar itu mengaku tidak bersalah atas kesalahan tatatertib atau tidak atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengaku fakta-fakta kes itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau apa-apa jua benda lain bagi menyokong kes itu terhadap pelajar itu; pelajar itu hendaklah diminta menyoal saksi itu dan memeriksa dokumen atau benda itu dan pihak berkuasa tatatertib boleh memeriksa semula saksi itu.”

Di sebalik hak menyoal-balas, pelajar juga diberi hak oleh Kaedah 51 untuk mengemukakan kesnya. Kaedah itu berbunyi:

“Selepas keterangan yang tersebut dalam kaedah 50 diterima, pelajar itu hendaklah diminta memberi keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa jua benda lain untuk pembelaannya; pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal pelajar itu atau mana-mana daripada saksi-saksinya, dan memeriksa mana-mana dokumen atau benda itu, dan pelajar itu boleh memeriksa semula mana-mana daripada saksi-saksinya itu.”

Dengan itu pelajar boleh memanggil saksi-saksi mereka, dan mengemukakan apa-apa keterangan, jika ada. Hak ini adalah sebahagian dari hak membela diri, dan dijamin oleh Kaedah. Mana-mana Universiti yang tidak memberi hak ini adalah melanggar peruntukan Kaedah dan melanggar kaedah *audi alteram partem*.

Kedah 54 memberi pelajar hak untuk meminta dan merayu agar diberi hukuman ringan. Hak ini juga dijamin oleh Kaedah yang berbunyi:

“Selepas pelajar itu membuat rayuannya untuk mendapat hukuman ringan, jika ada, di bawah kaedah 49 atau 53, mengikut mana yang berkenaan, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar itu satu daripada hukuman-hukuman yang di-nyatakan dalam kaedah 45, atau mana-mana dua atau lebih hukuman-hukuman itu yang sesuai disatukan sekali.”

Penulis berpendapat bahawa jika mana-mana Universiti tidak mematuhi Bahagian V Kaedah, yang memperuntukkan tentang acara itu, Universiti itu telah melanggar Kaedah yang dikuat-

kuasakan oleh Akta. Ini bermakna yang Akta sendiri yang menjamin hak ini dan tiada Universiti yang boleh melanggarnya.

Di dalam makalah ini penulis menurunkan "Carta Acara" yang patut diikuti oleh semua Universiti agar peruntukan Akta dipatuhi. Penulis mengesyorkan agar kesemua Universiti dan Kolej Universiti di negara ini mengikuti carta ini agar kehendak Akta dan juga prinsip "due process" diamalkan.

#### Keperluan Due Process yang lain:

Di sebalik ketiga-tiga ciri yang dibincangkan di atas penulis juga berpendapat yang perkara berikut juga perlu dipertimbangkan untuk memastikan penguatkuasaan keadilan.

#### 1. *Pertuduhan*

Lord Morris di dalam kes *Malloch v Aberdeen Corporation*<sup>23</sup> telah berkata:

"Apalah gunanya memberi hak didengar (dibicarakan) kepada sesiapa, sekiranya tidak memberitahu kepadanya mengenai apa yang hendak dibicarakan."

Pelajar yang dituduh mestilah tahu akan kaedah<sup>24</sup> manakah yang telah dilanggarnya, dan butir-butir tindakannya yang telah dikatakan melanggar kaedah tersebut. Maklumat ini mestilah dinyatakan dengan penuh di dalam notis yang dihantar kepada pelajar berkenaan. Ini adalah untuk membolehkan beliau membuat persediaan bagi membela dirinya.


Ini adalah amat benar oleh kerana beberapa kaedah<sup>25</sup> yang mengasaskan pertuduhan itu adalah amat luas sekali. Oleh itu jika pertuduhan itu luas maka lebih penting lagi maklumat atau butir dinyatakan dengan terperinci. Misalnya jenis per-

<sup>23</sup>[1971] 1 W.L.R. 1578 di m.s. 1588.

<sup>24</sup>Bahagian II kepada Kaedah memperuntukkan tentang kesalahan.

<sup>25</sup>Lihat Kaedah 3 kepada Kaedah Tata tertib Pelajar-Pelajar.

**CARTA ACARA PEMBICARAAN TATATERTIB DI BAWAH  
KAEDAH TATATERTIB UNIVERSITI**



Kunci:

K — Kaedah

P.B.T. — Pihak Berkuasa Tatatertib

buatan, tempat dan masa berlakunya mestilah dinyatakan, dan bagaimanakah kelakuan itu melanggar kaedah.<sup>26</sup>

Sekiranya tribunal itu ingin menambahkan satu pertuduhan baharu semasa perbicaraan, maka perbicaraan haruslah ditangguh untuk memberi masa kepada pelajar membuat persiapan membela diri. Pertuduhan baru itu pula mestilah mengandungi kaedah yang dilanggar dan maklumat-maklumat baru dengan jelasnya.

Sekiranya seorang pelajar dituduh di bawah kaedah (4), tetapi disabitkan di bawah kaedah (5), maka ini adalah melanggar keadilan asasi. Di dalam kes *Lau Liat Meng v Disciplinary Committee*<sup>27</sup>, Privy Council telah berpendapat bahawa keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Disiplin yang telah ditubuh oleh Ketua Hakim adalah tak sah. Jawatankuasa itu telah mendapati bahawa pembuat rayuan telah membuat satu kesalahan menerima £500 dari anak guamannya. Privy Council memutuskan bahawa oleh kerana pembuat rayuan telah tidak dituduh dengan kesalahan itu tetapi kesalahan-kesalahan lain, maka mensabatkannya dengan kesalahan yang tidak dipertuduh itu adalah merupakan satu pertentangan kepada prinsip hak asasi.

Di bawah penulis menurunkan contoh-contoh pertuduhan yang tidak adil:

A. X dituduh "Bahawa anda telah menjalankan aktiviti-aktiviti anti-kerajaan".

Tuduhan ini salah kerana dua sebab:

- (i) ianya tidak menamakan kaedah,
- (ii) ianya tidak memberi butir-butir aktiviti yang lengkap.<sup>28</sup>

<sup>26</sup>Lihat *Evaskov v International Brotherhood of Boiler Makers* (1969) 4 D.L.R. 3d. 688.

<sup>27</sup>[1968] A.C. 391.

<sup>28</sup>*Goldman v Johannesburg Club* [1904] T.R. 251.

- B. Y dituduh "Bahawa anda telah melakukan satu kesalahan mengebarkan bendera komunis pada 5hb Mac 1988 di pintu masuk kampus Universiti Pertanian, di Serdang, pada pukul 12.10 tengahari."

Tuduhan ini salah kerana satu sebab:

- (i) ianya tidak menamakan kaedah yang dilanggar.

## 2. Keterangan

Tribunal Universiti bukanlah sebuah Mahkamah Undang-Undang. Ianya tidak terikat kepada mana-mana prinsip dan undang-undang keterangan yang terpakai di Mahkamah.<sup>29</sup> Namun begitu tribunal mesti mematuhi prinsip bahawa keterangan yang perlu diambil kira adalah hanya keterangan yang dikemukakan. Ahli tribunal seharusnya tidak mengambil kira maklumat-maklumat lain, seperti yang diperolehi dari akhbar dan lain-lainnya. Keterangan dengar cakap juga perlu diketepikan untuk memastikan keadilan tercapai.

Perkara keterangan yang asas yang perlu diingatkan ialah pelajar yang dituduh *tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah*. Tribunallah yang mempunyai beban membuktikan yang tertuduh bersalah. Jangan sekali-kali dianggap bahawa pelajar itu bersalah melainkan keterangan-keterangan yang dikemukakan membuktikan bahawa beliau bersalah. Ini adalah berdasarkan aspek keadilan, "A man is innocent until proven guilty."

## Hukuman

"Justice Must Be Tempered With Mercy".

Kata-kata ini tepat sekali dalam menguatkuasakan disiplin pelajar. Para pendidik harus ingatkan bahawa tugas pendidik adalah mendidik dan bukan menghukum. Oleh itu walaupun kuasa diberi oleh Akta untuk memecat seseorang pelajar yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan, namun hak itu janganlah digunakan melainkan betul-betul tidak ada pilihan lain.

<sup>29</sup>Lihat *Maclean v The Workers' Union* [1929] 1 Ch. 602.

Memecat seorang pelajar adalah memusnahkan masa depannya, memusnahkan nasib keluarganya dan menghasilkan seorang insan yang hidup dengan perasaan dendam dan tertindas.

Di bawah penulis menurunkan jadual yang menunjukkan hukuman yang telah dijatuhkan di Universiti Malaya dari tahun 1985-88. Perlu diperhatikan bahawa tiada seorang pun pelajar yang telah dipecat. Dasar *berperikemanusiaan* dan peka kepada nasib masa depan pelajar patutlah sentiasa ditanam di sanubari tiap-tiap pendidik.

**JADUAL PERBICARAAN & HUKUMAN 1985-1988  
(UNIVERSITI MALAYA)**

Tahun	Bilangan Pelajar Dituduh	Bilangan Pelajar Didapati Bersalah	Jenis Hukuman								
			(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)	(h)	(i)
1985	20	15	3					6			6
1986	27	27	22					4			1
1987	49	48	38					7		1	2
1988	2	2	2								

Jadual disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya

**Kunci:**

- (a) Amaran
- (b) Denda
- (c) Penggantungan
- (d) Pengklusian
- (e) Penyingkiran
- (f) Amaran & Denda
- (g) Amaran & Pengklusian
- (h) Amaran & Penggantungan
- (i) Lain-lain (bukan penyingkiran).



### Due Process dan Disiplin di Sekolah

Di bawah Akta Pelajaran, 1971<sup>30</sup> Menteri mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan termasuk mengenai disiplin di sekolah.<sup>31</sup> Melalui kuasa ini beberapa peraturan telah dibuat, dan peraturan yang relevan untuk kertas ini ialah Peraturan Pelajaran (tatatertib sekolah) 1959,<sup>32</sup> dan pindaannya, iaitu Kaedah Pelajaran (Disiplin Sekolah)(Pindaan) 1980.<sup>33</sup>

Melalui Peraturan dan Kaedah tersebut guru besar di sekolah-sekolah telah diberi kuasa untuk menguatkuasakan disiplin di sekolah. Peraturan 4 berbunyi:

“Guru Besar sesebuah sekolah hendaklah bertanggungjawab di atas disiplin di sekolah ...”

Peraturan 5 pula memberi kuasa kepada guru besar bagi menjatuhkan “hukuman” ke atas pelajar-pelajar atau murid-murid yang bersalah.

Jelaslah dari peruntukan-peruntukan di atas seseorang guru besar adalah diberi kuasa pentadbiran dan juga dikenakan tugas quasi-kehakiman. Di dalam kes-kes disiplin dia diberi kuasa mendengar, membincang dan menjatuhkan hukuman. Kuasanya adalah sama dengan kuasa yang diberi kepada TNC di bawah Akta.

Soalan yang dikemukakan di sini ialah dalam menjalankan tugas quasi-kehakiman ini adakah guru besar tertakluk kepada doktrin *due process*? Adakah guru besar mesti mematuhi kaedah *audi alteram partem* dan juga kaedah *nemo iudex in causa sua*.

Peruntukan Akta Pelajaran dan juga Peraturan dan Kaedah yang dibuat di bawahnya nyata tidak memperuntukkan tentang acara yang wajib diikuti, seperti yang terdapat di dalam Akta Universiti. Dengan ini guru besar tidaklah terikat kepada sesuatu prosedur tertentu. Namun begitu, dalam menggunakan budi-bicaranya, guru besar wajiblah menghormati dan mematuhi

<sup>30</sup>Akta 43, 1961.

<sup>31</sup>*Ibid*, seksyen 116(n).

<sup>32</sup>L.N. 61.

<sup>33</sup>P.U.(A) 130, 1980.

prinsip *due process*. Apa-apa pendengaran dan perbincangan haruslah berasaskan kepada prinsip keadilan asasi.

Di segi Common Law perhubungan antara guru dan muridnya adalah digelar sebagai "*in loco parentis*". Guru-guru mempunyai hak dan tugas seperti ibu bapa kandung murid itu sendiri. Mahkamah Common Law, dalam menimbangkan tugas guru telah memakai ujian "ibu bapa yang bijaksana". Hakim Cane telah bertanya:<sup>34</sup>

"Apakah kewajipan seorang guru? Kewajipan seorang guru adalah untuk menjaga anak muridnya sebagaimana seorang bapa yang bijaksana akan menjaga anaknya."

Nyata daripada kedudukan ini bahawa seseorang guru yang mengambil langkah untuk mendisiplinkan muridnya mestilah bertindak *bona fide*, iaitu dengan ikhlas. Seberapa boleh guru besar hendaklah jangan sekali-kali bertindak di atas perasaan yang geram atau keinginan untuk menindas. Sekiranya kesalahan yang dibuat oleh murid melibatkan guru besar sendiri, misalnya murid yang mencalar kereta guru besar, maka lebih baiklah bagi guru besar menyerahkan kuasa mendisiplinkan itu kepada guru disiplin, agar guru besar tidak membuat keputusan berdasarkan perasaan marah dan dendam.

Kuasa mewakilkan kepada guru lain, seperti kepada guru disiplin itu memang diberikan oleh Akta Pelajaran melalui Peraturan 6 kepada Peraturan Pelajaran (Tatatertib) Sekolah 1959. Peraturan itu berbunyi:

"Guru Besar sesebuah sekolah bolehlah dari masa ke semasa ... mewakilkan kuasa disiplin dan kuasa menghukum kepada guru-guru lain..."

Jika, dalam keadaan itu guru besar menguatkuasakan kuasa disiplin ini maka guru besar itu dengan sendirinya telah mematuhi kaedah *nemo judex in causa sua*. Beliau telah tidak membenarkan dirinya bertindak sebagai pendakwa & pengadil di dalam keadaan di mana beliau mungkin "bias", prejudis dan berat sebelah.

<sup>34</sup>Libat *William v Eady* [1893] 10 T.L.R. 41.

Prinsip keadilan asasi, terutamanya kaedah *audi alteram partem*, di mana seseorang itu berhak didengar dan membela diri adalah terpakai ke atas guru besar dalam melaksanakan tugasnya menguatkuasakan disiplin di kalangan pelajar atau murid-murid. Di dalam kes *Mahadevan v Ananderajan & Ors.*<sup>35</sup> Majlis Privy telah bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan bahawa dalam menjalankan tugas quasi-kehakiman itu, guru besar mestilah patuh kepada prinsip keadilan asasi. Namun begitu Mahkamah tersebut menekankan bahawa keperluan mematuhi keadilan asasi tidaklah seperti yang terpakai di dalam perbicaraan jenayah. Apa yang diperlukan ialah guru besar mesti bertindak *bona fide*, dengan adil dan saksama. Keperluan ini dipenuhi dan mencukupi sekiranya dia telah menemubual dan menyoal murid tersebut, memberi peluang dia membela diri, dan kemudian baharulah membuat keputusan.

Di dalam kes itu seorang pelajar telah dipecat dari sekolahnya kerana telah melanggar peraturan sekolah. Mahkamah perlu menimbangkan samada pengetua sekolah itu telah mematuhi kaedah keadilan asasi semasa beliau membuat keputusan. Apa yang terjadi ialah pengetua tersebut gagal menerangkan kepada pelajar itu bahawa beliau boleh dibuang sekolah sekiranya tidak dapat memberi penjelasan yang memuaskan. Privy Council memutuskan bahawa langkah-langkah dan prosedur yang diambil oleh Pengetua itu tidak bertentangan dengan kaedah keadilan asasi. Kaedah keadilan asasi hanya memerlukan seseorang pengetua sekolah membuat keputusan secara adil. Dan apa yang adil adalah bergantung kepada tiap-tiap keadaan berasaskan pemikiran yang waras.

Dengan ringkasnya, seseorang murid itu berhak kepada "due process" walaupun bukan secara formal dan dengan itu dia dilindungi daripada penggunaan kuasa yang dibuat sewenang-wenangnya.<sup>36</sup>

<sup>35</sup>Supra, n.k. (15).

<sup>36</sup>Lihat Azmi Khalid, *Natural Justice in School*, [1974] JMCL 114.

### Kata Penutup

Memanglah tidak wajar dan tidak adil bagi mana-mana tribunal yang terlibat dengan penguatkuasaan disiplin pelajar mengabai atau tidak mengindahkan doktrin *due process*. Jika pun mana-mana Akta, Peraturan dan Kaedah membenarkan kegunaan apa-apa kuasa budibicara kepada tribunal, namun begitu kuasa sedemikian wajiblah diguna dengan berhati-hati dengan memberi perhatian berat kepada keadilan asasi.

Pihak berkuasa disiplin harus ingat bahawa kaedah-kaedah prosedur bukan sahaja mewujudkan kaedah-kaedah dan kesalahan dengan mana pelajar boleh dihukum. Akan tetapi ianya juga diwujudkan untuk melindungi pelajar, seperti kaedah-kaedah prosedur yang terdapat di dalam Akta. Oleh itu ianya wajib dipatuhi, bukan sahaja kerana tuntutan *due process* dan keadilan asasi, tetapi juga kerana ianya peruntukan undang-undang.

Satu perkara lagi yang patut diperhatikan dan ingatkan oleh para pendidik, para akademik dan para cendekiawan ialah kesan Akta ke atas masyarakat pelajar dan masyarakat akademik amnya. Melalui Akta, pihak perundangan telah mengendurkan pemakaian prinsip keadilan asasi. Maka terletaklah di bahu para pendidik agar melakukan apa yang boleh di dalam bidangkuasa mereka untuk menjaga, menyanjung dan menggunakan prinsip *due process* dan keadilan asasi, demi masa depan generasi muda kita.

Rafiah Salim\*

\*Profesor Madya,  
Fakulti Undang-Undang,  
Universiti Malaya